

## **Najib Telah Buktikan Kemampuan, Harus Diberi Sokongan Penuh - Awang Tengah Bernama**

**18 April, 2013**

SIBU, 18 April (Bernama) -- Negara ini mencapai kemajuan dan pembangunan yang hebat di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sejak beliau meneraju kerajaan empat tahun lepas.

Justeru kata Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar II Sarawak Datuk Amar Awang Tengah Ali Hassan, rakyat mesti memberi sokongan penuh kepada Najib pada pilihan raya umum ke-13 ini agar beliau dapat meneruskan usaha membawa negara ke tahap lebih tinggi.

Berucap pada jamuan malam meraikan lebih 100 pegawai Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa) Sarawak di sini malam tadi, Awang Tengah berkata inisiatif transformasi yang dilaksana Najib meliputi ekonomi, pendidikan, pentadbiran, perundangan dan khususnya konsep 1Malaysia, mencerminkan kehebatan kepimpinan beliau.

Pada jamuan itu Awang Tengah turut mengingatkan pegawai Jasa dan pemimpin akar umbi bahawa usaha berterusan perlu bagi memastikan Sarawak terus menjadi 'simpanan tetap' kerajaan Barisan Nasional.

Beliau juga berasa gembira kerana rakyat di Sarawak setakat ini menolak taktik kotor pembangkang terutama yang dijalankan oleh parti pembangkang dari Semenanjung.

Katanya walaupun dikritik secara berterusan, pelbagai program kerajaan berjaya memberi manfaat kepada rakyat.

Awang Tengah turut meminta pegawai Jasa sebagai barisan hadapan kerajaan, memainkan peranan memastikan semua pengundi melaksanakan tanggungjawab mereka pada pilihan raya kali ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943031>